

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

Rakyat selesa kepemimpinan PM

BH- 26/11/2007

Kejayaan kerajaan bangun negara tanpa mengira kaum tarik minat masyarakat terus sokong BN

Oleh Norfatimah Ahmad dan Norliza Wasilan

KUALA LUMPUR: Kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang ikhlas berkhidmat memperjuangkan nasib semua kaum meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat untuk terus menyokong Barisan Nasional (BN).

Malah, pelbagai rancangan yang dirangka sejak menerajui negara pada Oktober 2003 dilihat sebagai rentetan peristiwa kejayaan BN membangunkan negara tanpa mengingirkan mana-mana kaum.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata rakyat kini makin selesa dengan kerajaan dan dasar pembangunan yang membabitkan semua pihak.

"Ini kerana kerajaan selalu mengumumkan rancangan yang memberikan impak kepada rakyat menerusi projek pembangunan seperti Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Ti-

mur (ECER) dan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) sehingga menjadi kehairahan masyarakat.

"Oleh itu, rakyat semakin selesa dan yakin dengan kerajaan yang ditunjangi Perdana Menteri," katanya ketika diminta mengulas penerimaan rakyat terhadap kepemimpinan Perdana Menteri dan BN untuk tempoh setahun sejak Oktober 2006 yang berada pada tahap stabil iaitu purata 71 peratus.

Kaji selidik Merdeka Centre, sebuah pusat penyelidikan tempatan dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) mendapati, penarafan tertinggi dicatatkan Melayu dengan peningkatan empat peratus kepada 84 peratus berbanding tahun lalu, manakala masyarakat India menunjukkan perubahan positif apabila angka 62 peratus meningkat kepada 79 peratus.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Reezal Merican Naina Merican, berkata slogan 'Bekerja Bersama Saya', ucapan dasarnya pada perhimpunan agung Umno tahun lalu iaitu 'Kata Di



Muhammad Muhd Taib

Kota' dan Misi Nasional yang diketengahkan menerusi Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) disenangi rakyat.

"Hasil kaji selidik itu boleh dianggap bukti balasan rakyat kepada kekikhlasan dan kesungguhan Perdana



Reezal Merican Naina Merican

Menteri sejak menerajui negara terutama peningkatan kualiti hidup rakyat dengan mengutamakan aspek pendidikan dan kemahiran, mempelbagai rantaian ekonomi dan mengukuhkan institusi kerajaan," katanya.

Beliau berkata, rancangan berkai-

tan wilayah pembangunan ekonomi juga adalah satu pendemokrasian pembangunan yang lebih seimbang apabila pembangunan dibawa ke halaman rumah supaya rakyat dapat menjalani kehidupan berkualiti.

"Jika dulu Tun Dr Mahathir Mohamad memberi tumpuan membina negara secara fizikal, kini Perdana Menteri membawa kelangsungan kepada perjalanan pembangunan negara yang lebih jauh menerusi modal insan," katanya.

Presiden International Movement For Just World, Dr Chandra Muzaffar berkata hasil kajian itu bukan sesuatu yang memeranjatkan kerana majoriti rakyat menyokong kuat kerajaan BN yang dipimpin Abdullah.

Bagaimanapun, beliau berkata, BN perlu memberi perhatian kepada kira-kira 29 peratus yang memihak kepada pembangkang walaupun BN boleh meraih kemenangan dua pertiga kerusi pada pilihan raya tanpa halangan.

"Jumlah 29 peratus (yang menyokong pembangkang) bukanlah luar biasa... tetapi kerajaan perlu mem-

berikan perhatian mengenai perkara yang mendorong mereka memilih pembangkang sama ada membabitkan dasar kerajaan atau apa saja.

"Kerajaan perlu ada tindakan untuk menjawab ketidakpuasan golongan itu supaya dapat dikawal, tetapi saya yakin BN tetap mendapat kemenangan majoriti kerana rakyat percaya kemakmuran yang bakal diraih menerusi pembangunan koridor ekonomi yang dilancarkan Perdana Menteri," katanya.

Penganalisis politik yang juga penerarah Fakulti Sains Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Shamsuddin Abdul Rahman, berkata kajian itu memberi gambaran jelas bahawa rakyat tidak pernah berganjak daripada terus memilih BN sebagai kerajaan.

Beliau berkata, walaupun keadaan politik sebelum ini ada kecenderungan rakyat untuk cuba memihak kepada pembangkang, terutama pada 1999, ia hanya sementara kerana kerajaan yang dipimpin Abdullah membuktikan hanya BN boleh membawa kemakmuran kepada semua.